

PM selar pihak salah tafsir kupasan kisah Ashabul Kahfi

Tindakan caci individu tertentu termasuk ulama, pendakwah dianggap melampau

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyelar pihak yang menyalah tafsir pandangannya berhubung kisah tujuh pemuda Ashabul Kahfi hingga kupasan mengenainya membatikan cacian dan cemuhan terhadap individu tertentu termasuk pendakwah dan ulama.

Sambil menyifatkan tindakan itu sebagai keterlaluan dan tidak sepatutnya terjadi, Perdana Menteri berkata, budaya wacana yang baik harus dijulung.

“Bukan diangkat cerca kritikan melampau khasnya melibatkan konteks ayat al-Quran yang kini semakin meluas dibahas di media sosial.

“Moga mutu kefahaman mengenai Islam terus dipertingkat, Insya-Allah,” katanya dalam kenyataan semalam.

Merujuk ucapannya pada satu majlis sebelum ini, Anwar berkata, beliau pernah memberitahu penjawat awam yang berada di atas mahu pun di bawah mengenai kepentingan nilai dan akhlak dalam menjalankan tugas, amanah serta tanggungjawab yang diberikan.

“Sejauh mana kesibukan kita, kepesatan pembangunan sementalahan teknologi dunia berputar, iman kita harus diangkat selain dijaga nilai mahu pun akhlak.

Mesej kekentalan iman

“Saya kaitkan kisah tujuh pemuda Ashabul Kahfi seperti dalam ayat al-Quran surah Al Kahfi yang mana pada masa itu sistem dan kerajaan serta raja yang zalim itu menyembah berhala, ditolak orang beriman termasuk tujuh pemuda ini yang kemudian berlindung di sebuah gua.

“Mesejnya adalah keteguhan dan kekentalan iman pemuda itu yang membentengi kepada amalan syirik dan kebejatan, justeru adalah wajar agar penjawat awam mengambil iktibar daripada kisah itu,” katanya.

“Budaya wacana yang baik harus dijulung. Bukannya diangkat cerca kritikan melampau khasnya melibatkan konteks ayat al-Quran yang makin meluas dibahas di media sosial”

Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri



Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, pandangannya disalah tafsir sehingga mengundang cacian dan cemuhan pada sesetengah pihak termasuk pendakwah mahupun ulama.

Sebelum ini, tular di media sosial seorang penceramah bebas mengupas ucapan Anwar berkaitan tujuh pemuda Ashabul Kahfi ketika menyampaikan ucapan pada Perhimpunan Bulan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dua minggu lalu.

Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri



Wan Salim

Wan Salim Wan Mohd Noor, dilaporkan berkata, isu al-Kahfi tidak sepatutnya menjadi polemik yang membingitkan sekiranya ia ditangani dengan tenang dan dinilai dengan hati jernih serta niat ikhlas untuk menemui kebenaran.

Beliau berkata, disebabkan istilah Kristian maka seluruh Malaysia menjadi riuh rendah dengan pelbagai pihak memberi respons dan komen yang bercampur baur antara input akademik serta tujuan politik.